



KANAK-KANAK DIUTAMAKAN

DASAR DAN PELAN TINDAKAN PENJAGAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG



MAC 2013

KANDUNGAN

Kandungan	i
Senarai Jadual	ii
Senarai Gambarajah	ii
Glosari	iii
Ringkasan Eksekutif	iv
1. Pendahuluan	1
2. Objektif	2
3. Konteks di Pulau Pinang	6
4. Teras Dasar Utama	13
5. Pelan Tindakan	17
Lampiran 1: Dasar Kanak-Kanak Kebangsaan	24
Lampiran 2: Peruntukan Kewangan Kerajaan Persekutuan untuk Penjagaan Kanak-Kanak	27

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Nisbah Pusat Penjagaan kepada Kanak-Kanak Berumur 0-12 Tahun mengikut Daerah	8
Jadual 2: Jenis Penjagaan Kanak-Kanak mengikut Kumpulan Umur di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda	9

SENARAI GAMBARAJAH

Rajah 1: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Perempuan, 1985-2010 (Pelbagai Negara)	4
Rajah 2: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Lelaki dan Perempuan di Pulau Pinang dan Malaysia, 1985-2010	5
Rajah 3: Data Kategori Umur di Pulau Pinang	7
Rajah 4: Perbelanjaan Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda	9
Rajah 5: Rangka Kerja Keinstitution	15

GLOSARI

ACS	Khidmat Komuniti Asia
BOLD	Persatuan BOLD untuk Kanak-Kanak Berkeperluan Khas
BOMBA	Jabatan Bomba
CRC	Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak
CRE	Tanggungjawab Korporat untuk Pekerja
DBD	Daerah Barat Daya
DTL	Daerah Timur Laut
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
EXCO	ADUN - Ahli Dewan Undangan Negeri
GIS	Sistem Maklumat Geografi
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
LFPR	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MHLG	KPKT - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MMK	Majlis Mesyuarat Negeri
MPPP	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
MPSP	Majlis Perbandaran Seberang Perai
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PJKK	Pusat Jagaan Kanak-Kanak
PPBM	Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia
PWDC	Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang
RAS	Tinjauan Pentaksiran Pantas
SFO	Pegawai Kewangan Negeri
SPS	Seberang Perai Selatan
SPT	Seberang Perai Tengah
SPU	Seberang Perai Utara
SUK	Setiausaha Kerajaan
Tadika	Taman Didikan Kanak-Kanak
Taska	Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah Umur 4 Tahun
Taskom	Taman Asuhan Kanak-Kanak berasaskan Komuniti
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
WCC	Pusat Kesedaran Wanita

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendahuluan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengiktirafkan keperluan untuk melindungi hak kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Kanak-Kanak dan juga menyedari akan masalah yang dihadapi oleh keluarga-keluarga berkenaan penjagaan anak mereka dalam keadaan sosio-ekonomi semasa.

Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang akan berusaha untuk memberikan hak secepat dan akses kepada penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, selamat, dan berpatutan untuk memastikan kesejahteraan setiap kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.¹ Tambahan pula, dasar ini akan membantu meningkatkan ekonomi Pulau Pinang dengan membolehkan melalui peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja serta menggalakkan keseimbangan kehidupan antara kerjaya dan keluarga dan ianya sebahagian daripada program Kerajaan Negeri untuk mencapai pembangunan sosial dan ekonomi yang mapan dan menyeluruh.

Objektif

Dasar ini digubal untuk mencapai objektif seperti berikut:

- Kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak
- Peningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja
- Keseimbangan kehidupan kerjaya dan keluarga

Konteks Pulau Pinang

Dalam usaha memenuhi keperluan masyarakat secara berkesan, Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang mengambil kira keadaan semasa yang relevan di dalam negeri, iaitu:

- Data kategori umur penduduk Pulau Pinang
- Ketidakselarasan antara penawaran dan permintaan
- Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang diterajui oleh sektor swasta
- Kekurangan penjagaan yang berkualiti dan persekitaran yang inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas

¹ Walaupun definisi undang-undang bagi "kanak-kanak" mengikut Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak Malaysia 2001 digunakan bagi mereka yang berumur 0-18 tahun, Dasar Penjagaan Kanak-Kanak ini disasarkan kepada kanak-kanak berumur 0-12 tahun sebab mereka adalah kumpulan yang lebih terancam dan memerlukan perlindungan, dan keperluan mereka adalah lebih mustahak. Di samping itu, ia didapati bahawa memperoleh penjagaan berkualiti telah menjadi semakin sukar disebabkan masalah yang berkaitan dengan mendapatkan bantuan domestik dan juga kenaikan kos penjagaan kanak-kanak, terutamanya mereka yang di bawah umur empat tahun. Dasar ini juga menghadkan skop kepada penjagaan kanak-kanak, dengan tidak mengambil kira institusi pendidikan seperti tadika, kerana tadika melibatkan isu-isu yang berbeza yang lebih sesuai ditangani secara berasingan.

Teras Dasar Utama

Dengan tujuan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dan mengambil kira konteks semasa dalam negeri, perkara-perkara yang berikut telah dikenal pasti sebagai teras utama Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang:

1. Memastikan Akses Saksama untuk Penjagaan Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti
2. Menambahkan Bilangan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Tempat Kerja
3. Menubuhkan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Berasaskan Komuniti
4. Menambahbaikkan Penjagaan di Tempat Kediaman
5. Membimbing Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Sektor Swasta

Satu rangka kerja keinstitutionan akan dilaksanakan untuk memastikan pencapaian teras dasar melalui pelaksanaan Pelan Tindakan yang berjaya.

Pelan Tindakan

Satu pelan tindakan telah dirangka untuk mencapai teras dalam dasar, dan seterusnya mencapai objektif dasar. Item penting bagi setiap teras adalah seperti yang terbentang di bawah:

1. Memastikan Akses Saksama untuk Penjagaan Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti:

Satu pemetaan pusat penjagaan kanak-kanak di negeri ini akan dijalankan dan insentif akan ditawarkan untuk menggalakkan pengusaha menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan yang kurang perkhidmatan sedemikian. Adalah disyorkan bahawa elaun penjagaan kanak-kanak disediakan untuk keluarga berpendapatan rendah yang menghantar anak mereka ke pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Latihan bersubsidi akan dianjurkan untuk pengusaha penjagaan kanak-kanak demi meningkatkan kualiti penjagaan. Latihan ini akan menggabungkan modul-modul tentang asuhan inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas dan protokol untuk memastikan keselamatan kanak-kanak. Pasukan professional penjagaan awal kanak-kanak (ECCE) yang berasingan, ahli terapi profesional dan Pelawat Rumah (*Home Visitors*) akan ditubuhkan untuk memberi sokongan kepada pusat penjagaan kanak-kanak yang beroperasi di institutsi dan rumah.

Untuk memudahkan penjagaan inklusif bagi kanak-kanak istimewa, kempen kesedaran memperolehi hasil positif program inklusif akan diadakan dan sistem ganjaran akan diwujudkan untuk pusat-pusat penjagaan kanak-kanak yang mempratikkan amalan inklusif. Latihan dan mekanisme sokongan yang lain seperti ahli terapi yang mengunjungi pusat penjagaan serta pengasuh akan diperkenalkan untuk memudahkan amalan inklusif.

2. Menambahkan Bilangan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Tempat Kerja:

Peraturan dan garis panduan akan dikaji semula bagi memudahkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak pelbagai jenis di tempat kerja. Kempen berasaskan sektor akan dianjurkan untuk mempamerkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja yang sedia ada dan menggalakkan majikan lain untuk menyahut cabaran. Satu kemudahan perkongsian sama untuk sektor perkilangan akan ditubuhkan di salah satu kawasan perindustrian dalam negeri sebagai model untuk dicontohi.

3. Mendirikan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Berasaskan Komuniti:

Taskom perintis akan ditubuhkan dalam tiga komuniti yang berpendapatan rendah sebagai kes ujian bagi pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh komuniti setempat yang juga akan memainkan peranan untuk menjanakan pendapatan bagi

komuniti tersebut. Sokongan profesional dalam bentuk latihan, kajian semakan berkala dan pemantauan akan disediakan untuk memastikan kelestarian pusat penjagaan kanak-kanak komuniti ini. Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak yang direka khas akan dijadikan satu syarat untuk mendapatkan kelulusan bagi skim perumahan kos rendah.

4. Menambah Baik Penjagaan di Tempat Kediaman:

Latihan, pensijilan dan pendaftaran akan diperkenalkan dalam usaha merasionalisasikan sektor penjagaan berpremis rumah. Sokongan profesional dan peningkatan kemahiran akan disediakan melalui satu pasukan Pelawat Rumah yang terlatih dalam ECCE.

5. Membantu Sektor Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Swasta:

Dalam usaha meningkatkan kualiti penjagaan di pusat penjagaan kanak-kanak swasta, program latihan yang telah ditambah baik akan diperkenalkan untuk memastikan ketersediaan khidmat penjagaan kanak-kanak yang lebih bermutu bagi sektor ini. Peraturan dan garis panduan akan diselaraskan untuk memudahkan pelesenan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Di samping itu, pelaksanaan garis panduan yang disemak semula oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan desegerakan untuk urusan perolehan pelesenan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Satu mekanisme dalam talian akan diperkenalkan bagi memudahkan lagi proses tersebut.

KANAK-KANAK DIUTAMAKAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN PENJAGAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG

1. PENDAHULUAN

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengiktirafkan keperluan mendesak untuk melindungi hak dan kesejahteraan kanak-kanak yang terdiri lebih daripada satu pertiga daripada penduduk negeri.

Walaupun Malaysia telah mengiktirafkan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 1995 dan meluluskan Akta Kanak-Kanak 2001, Bahagian Kanak-Kanak hanya ditubuhkan dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 2005. Pada 2009, Dasar Kebangsaan Kanak-Kanak dan Dasar Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak, bersama-sama dengan Pelan Tindakan masing-masing, telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MFCD). Kenyataan dasar dalam Dasar Kanak-Kanak ini (lihat Lampiran I) memperakukan "hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan supaya mereka boleh menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan yang holistik dalam persekitaran yang kondusif". Walau bagaimanapun, hak kanak-kanak masih tidak begitu mendapatkan keutamaan.

Walaupun diakui keperluan yang mendesak untuk mengambil kira kebajikan kanak-kanak di negeri ini, struktur Kerajaan Negeri Pulau Pinang agak menghalang keberkesanan dalam menjalankan misi ini. Dalam struktur Kerajaan Negeri, hal yang berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat terletak di bawah tanggungjawab Pengerusi Jawatankuasa (*State Executive Councillor, Exco*) bagi Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, tetapi hal yang berkaitan dengan kebajikan terletak di bawah Exco lain. Hal yang berkaitan dengan perancangan fizikal dan peraturan bangunan untuk pusat penjagaan kanak-kanak pula merupakan tanggungjawab dua Exco lain.

Mengambil kira keadaan yang tidak memuaskan ini dengan tiada Exco yang khusus ditugaskan untuk mempromosikan hak-hak dan perlindungan kanak-kanak, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan satu portfolio yang khusus untuk kanak-kanak dengan peruntukan kewangan yang diperlukan untuk menjalankan program-program untuk kepentingan mereka. Sehingga itu, Kerajaan Negeri menerima pakai Dasar ini yang berhubung dengan penjagaan kanak-kanak dan pelan tindakannya untuk memastikan bahawa kanak-kanak tidak ketinggalan dalam usaha peringkatan pembangunan.

Fokus kepada penjagaan kanak-kanak sebagai tindakan pertama diguna pakai disebabkan keprihatinan secara meluas bahawa peraturan dan pemantauan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman dan pusat penjagaan kanak-kanak pada masa kini adalah tidak mencukupi sehingga membiarkan kanak-kanak dalam keadaan risiko, seperti yang terbukti dari beberapa laporan tentang kematian dan penderaan bayi di beberapa pusat penjagaan kanak-kanak dan tempat penjagaan kanak-kanak yang lain.

Selain itu, ia diterima secara universal bahawa kualiti dan keselamatan penjagaan kanak-kanak merupakan satu keperluan asas. Zaman kanak-kanak merupakan tempoh yang paling penting dalam perkembangan setiap individu. Itulah masanya kita mempelajari dengan paling cepat tentang dunia ini, mengetahui bagaimana untuk belajar, dan belajar bagaimana kita boleh mencapai keseimbangan dalam masyarakat. Oleh itu, pelaburan dalam perkembangan anak-anak kita adalah penting bagi

membentuk generasi masa depan yang sihat dari segi emosi, sosial dan intelek: generasi akan datang yang boleh menyumbang secara bermakna kepada pembangunan masyarakat dan ekonomi kita. Kemudahan kepada penjagaan kanak-kanak juga amat penting untuk membendung masalah yang berpunca daripada kemiskinan dan kesaksamaan peluang hidup kanak-kanak dari kelas sosial yang berbeza dan untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Pada hakikatnya, penjagaan yang berkualiti adalah penting untuk memastikan **kesejahteraan setiap kanak-kanak**, dan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, adalah penting bagi setiap kanak-kanak, sebagai seorang warganegara, diberi jaminan penjagaan yang terbaik – sebab itu adalah hak dia.

Kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti akan menyumbang secara ketara kepada kemajuan ekonomi sebab ini membolehkan wanita melibatkan diri dengan aktif sebagai tenaga kerja dan ianya memudahkan penggunaan penuh kuasa produktif negara. Di Malaysia, kadar penyertaan tenaga buruh adalah tinggi untuk wanita berusia antara 25 dan 29 tahun tetapi menurun dengan ketara apabila mereka mula berkeluarga. Situasi ini tidak akan dapat dipulihkan. Trend ini pada umumnya disebabkan kelemahan dalam sistem sokongan, di mana penjagaan kanak-kanak adalah komponen utama. Akibatnya ialah kehadiran wanita yang amat rendah di tangga yang lebih tinggi dalam heirarki pekerjaan yang merupakan perhijrahan cendekiawan yang amat serius memandangkan wanita melebihi bilangan lelaki dua kepada satu di universiti-universiti awam. Ekonomi kita tidak mampu kerugian aset tersebut. Satu polisi yang komprehensif untuk penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan berpatutan harga mestilah dilaksanakan untuk **meningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja** dan mengekalkan mereka di sana.

Bagaimanapun, ianya perlu disedari bahawa peruntukan penjagaan kanak-kanak tidak mencukupi, dan perlu dilengkapi dengan dasar-dasar dan amalan-amalan lain yang mampu menyusun semula hubungan di dalam pasaran buruh dan juga di rumah. Dengan itu, perlu ada anjakan pemikiran daripada model lelaki sebagai pencari nafkah dan wanita sebagai penjaga rumah kepada model dwi pencari nafkah/penjaga. Selain menggalakkan ibu-ibu menyertai tenaga buruh, ini melibatkan perkongsian dan pengagihan semula tugas penjagaan: daripada ibu kepada bapa dalam keluarga, dan daripada keluarga kepada masyarakat. Oleh itu, adalah sama penting bahawa dasar yang mesra keluarga dilaksanakan selari dengan perluasan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk memastikan **keseimbangan yang lebih baik antara kerja dan kehidupan keluarga** – untuk lelaki dan juga wanita.

Jelas sekali, penjagaan kanak-kanak bukanlah satu isu peribadi malah isu awam, dengan implikasi sosial dan ekonomi yang amat besar. Oleh itu, ia adalah penting bagi Kerajaan Negeri memainkan peranan utama dalam pengurusan dan penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak supaya penyampaiannya untuk setiap kanak-kanak terjamin sebagai satu **kebijakan awam** selain meningkatkan penyertaan dan pengekalan wanita dalam kumpulan tenaga kerja.

Berdasarkan pertimbangan di atas, **Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang akan berusaha untuk menyediakan hak sejagat dan akses bagi penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, selamat dan berpatutan untuk memastikan kesejahteraan setiap kanak-kanak, meningkatkan penyertaan wanita dalam kumpulan tenaga kerja dan mencapai keseimbangan antara kerja dan kehidupan keluarga** sebagai sebahagian daripada program Kerajaan Negeri untuk pembangunan sosial dan ekonomi yang mampan dan menyeluruh.

2. OBJEKTIF

Seperti yang dinyatakan dalam Pendahuluan, Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang digubal untuk mencapai objektif seperti yang berikut:

- Kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak
- Peningkatan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja
- Keseimbangan kehidupan kerja dan keluarga

Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah secara aktif untuk menyusun semula penyampaian penjagaan kanak-kanak di Pulau Pinang sebagai satu kebajikan awam, dengan implikasi bahawa setiap kanak-kanak akan mendapat peluang kepada penjagaan berkualiti tanpa mengira kelas, agama, etnik, keupayaan fizikal dan intelektual, dan tempat kediaman. Ini penting kerana latar belakang keluarga mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak dan peluang kehidupan mereka. Penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) boleh memainkan peranan penting dalam menyetarakan keadaan semasa kanak-kanak membesar dan oleh itu, mampu menawarkan tapak permulaan yang setara untuk kejayaan bagi semua. Oleh demikian, penyediaan penjagaan kanak-kanak dilihat sebagai satu kebaikan awam, iaitu satu pelaburan sosial yang merupakan sebahagian penting dalam dasar awam berhubung dengan perkhidmatan asas. Dasar penjagaan kanak-kanak ini digubal dengan tujuan menyediakan struktur yang terbaik untuk penjagaan dan perkembangan anak kita, dan justeru itu, menyokong ibu bapa dalam peranan penting yang dilaksanakan oleh mereka, supaya semua individu dalam masyarakat kita dapat memenuhi potensi kemanusiaannya. Penubuhan sistem ini akan membawa pulangan dalam bentuk kesejahteraan sosial dan kemakmuran ekonomi bagi komuniti dan negeri kita, pada masa kini dan pada masa hadapan.

Objektif Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang menyatakan rasional bagi bentuk dan hala tuju dasar dan pelan tindakan ini, dan ianya diperincikan di bawah.

2.1 Kesejahteraan dan Keselamatan Kanak-Kanak

Penjagaan kanak-kanak yang berkualiti boleh membentuk peluang hidup setiap kanak-kanak secara positif jika mengalami zaman kanak-kanak yang baik, selamat dan aman dan pada masa yang sama mendapat sokongan pembangunan kemahiran peribadi dan sosialnya. Hasil dan pencapaian semasa dewasa berkait rapat dengan kecekapan kognitif dan sosial yang dipupuk pada zaman kanak-kanak. Kemampuan kognitif yang baik berkait rapat dengan pencapaian pendidikan di masa depan dan status sosio-ekonomi yang lebih tinggi. Kemahiran sosial juga kritikal untuk kejayaan dalam kehidupan dewasa - samada di tempat kerja mahupun dalam komuniti. Di samping itu, akses kepada ECCE yang berkualiti membantu untuk merapatkan jurang pencapaian antara kanak-kanak dari latar belakang ekonomi yang berbeza. Satu lagi peranan penyetaraan penyediaan ECCE awam adalah dengan membolehkan ibu-ibu dari keluarga berpendapatan rendah untuk melibatkan diri dengan lebih giat dalam ekonomi, dan memecahkan kitaran kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi bagi anak mereka. Hasil yang diharapkan ialah sebuah masyarakat yang lebih adil yakni setiap individu boleh memainkan peranan yang produktif dan menyumbang.


2.2 Peningkatan Penyertaan Wanita sebagai Tenaga Kerja

Wanita, berbanding lelaki, mendapati bahawa prospek kerjaya mereka amat bergantung kepada keupayaan mereka mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga. Ramai wanita terpaksa meninggalkan kerjaya mereka, bukan atas pilihan sendiri, tetapi disebabkan kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi atau sebab tiada pilihan kerja yang fleksibel yang membenarkan mereka menggabungkan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa sambil kekal dalam dunia pekerjaan. Meninggalkan pasaran kerja pada tempoh waktu yang panjang untuk melaksanakan tugas-tugas penjagaan kanak-kanak membawa kesan negatif ke atas kemajuan kerjaya wanita. Penyediaan penjagaan kanak-kanak yang menyeluruh adalah penting untuk kemajuan kerjaya wanita. Penyediaan penjagaan kanak-kanak yang terhad dan tidak fleksibel menghadkan wanita kepada kerja sambilan bergaji rendah. Wanita-wanita ini mendapati mereka menghadapi penalti berganda: selepas melahirkan anak, mereka terpaksa menurun tangga kerjaya dari segi gaji dan kemahiran untuk bekerja separuh masa, kemudian itu mereka mendapati pula bahawa kerja yang bergaji rendah ini tidak mendatangkan faedah setelah menghitung kos penjagaan anak.

Kajian di Negara-negara Nordik, yang merupakan penanda aras antarabangsa bagi pembekalan penjagaan kanak-kanak, telah menunjukkan bahawa akses kepada penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan berpatutan harga merupakan faktor utama yang membawa kepada tahap penyertaan wanita yang tinggi dalam tenaga kerja. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah, dua negara Nordik terpilih, iaitu Sweden dan Denmark, mendahului kadar penyertaan tenaga kerja wanita (LFPR) dengan 74 peratus ke atas pada tahun 2005 (data tahun yang terkini oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang dapat diperolehi) – didahului hanya oleh China, di mana LFPR wanita yang tinggi merupakan warisan komunisnya yang lalu.

Sebaliknya, sebuah negara rakan Eropah, Itali, yang tidak mempunyai sistem penjagaan kanak-kanak yang mantap, merakamkan hanya 50.3 peratus bagi LFPR perempuan pada tahun yang sama. LFPR wanita di negara-negara maju terpilih yang lain - Australia dan Jepun - berada di 67.4 dan 60.5 peratus. Malaysia berada di bawah sekali pada 48.0 peratus, berbanding 56.7 peratus bagi Singapura dan 53.0 peratus bagi Indonesia. Prestasi Pulau Pinang adalah lebih tinggi daripada prestasi kebangsaan, terutama sekali bagi tahun 2010, pada 56.5 peratus berbanding dengan angka kebangsaan iaitu 46.1 peratus. Walau bagaimanapun, ia harus diperhatikan bahawa angka LFPR wanita Pulau Pinang agak berubah dengan ketara untuk beberapa tahun dan pentingnya menggunakan statistik negeri dengan teliti.


Rajah 1: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Perempuan, 1985-2010 (Pelbagai Negara)



Sumber: Maklumat Jantina, Bahagian Perangkaan, Bangsa-Bangsa Bersatu

Diperhatikan jurang antara LFPR lelaki dan perempuan di negara-negara ini. Sekali lagi, Sweden dan Denmark mendahului negara-negara lain dengan perbezaan hanya 10 dan 11 mata peratusan masing-masing. Sebaliknya, bagi Malaysia dan Indonesia, jurang ini ialah 34 mata peratusan. Rajah 2 menunjukkan perbezaan antara LFPR lelaki dan perempuan di Pulau Pinang dan Malaysia dalam tempoh 1985-2010. Adalah jelas bahawa langkah-langkah yang bersepadu perlu diambil untuk merapatkan jurang ini. Negara-negara Nordik sekali lagi telah memberi contoh dengan memperkenalkan dasar mesra keluarga yang menekankan perkongsian tanggungjawab penjagaan antara lelaki dan wanita, di antara dasar-dasar lain.

Rajah 2: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Lelaki dan Perempuan di Pulau Pinang dan Malaysia, 1985-2010



Sumber: Maklumat Jantina, Bahagian Perangkaan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jabatan Perangkaan, Malaysia

2.3 Keseimbangan Kehidupan Kerja dan Keluarga

Ketersediaan khidmat dan harga berpatutan bagi penjagaan kanak-kanak adalah isu utama bagi kebanyakan keluarga, terutama sekali mereka yang mempunyai anak berkeperluan khas. Dengan ketiadaan kemudahan anjuran negeri, kos tinggi penjagaan kanak-kanak sering menyebabkan tekanan kewangan yang berat bagi kebanyakan keluarga - yang membawa kepada penghalang peluang pilihan kerjaya bagi ibu bapa dan kerugian kepada ekonomi dari segi pekerja mahir yang memilih untuk keluar dari dunia pekerjaan. Mereka yang memilih untuk tidak meninggalkan dunia pekerjaan perlu pula mengimbangi banyak tuntutan yang bersaing, dan ianya meninggalkan amat sedikit masa untuk mereka memainkan peranan keibubapaan. Di Malaysia, kelihatan banyak keluarga

yang memilih untuk mengambil khidmat pembantu rumah sebagai penyelesaian tetapi pilihan ini hanya terbuka kepada mereka yang mampu, sekali lagi mendatangkan kerugian kepada golongan berpendapatan rendah. Soalan telah dibangkitkan tentang kualiti penjagaan, dinamik keluarga, isu-isu ekonomi dan sosial yang berkaitan dengan kehadiran ramai pekerja asing di negara ini, dan, tidak kurangnya, kesan yang buruk apabila pembantu rumah tidak berada dengan keluarga sendiri, antara lain. Pembantu rumah seharusnya, tidak menjadi pilihan utama

Malah walaupun penjagaan kanak-kanak yang meluas dan tersedia, fokus sempit terhadap penyertaan wanita dalam dunia pekerjaan akan gagal untuk menangani ketidakseimbangan yang timbul akibat organisasi kerja dan peranan gender dalam keluarga. Paradigma utama dan perubahan dasar penting untuk memastikan baik lelaki mahupun wanita boleh bekerja sambil menjaga anak. Institusi cuti berbayar untuk ibu bapa, kuota cuti bagi bapa, penggunaan cuti untuk ibu bapa yang fleksibel/separuh masa, organisasi kerja yang fleksibel, dll. telah terbukti separa berkesan dalam hal ini tetapi masih gagal menghapuskan perbezaan dalam peranan gender yang tradisional. Kewangan bagi dasar penjagaan kanak-kanak, yang diamalkan di banyak negara-negara Nordik, di sisi lain, cenderung untuk mengukuhkan perbezaan jantina yang sedia ada di mana majoriti mereka yang mendapat peluang daripada faedah berkenaan ialah kaum ibu - dan kebanyakannya ibu yang berpendapatan rendah dengan tahap pendidikan yang juga rendah.

Kesimpulannya, akses, kemampuan dan kualiti penjagaan kanak-kanak dan pembentukan kerja yang mesra keluarga ialah gabungan yang penting untuk menggalakkan penyertaan tenaga wanita dan pengekalan mereka dalam tenaga kerja.

3. KONTEKS DI PULAU PINANG


Dalam usaha untuk memenuhi keperluan penjagaan kanak-kanak yang berkesan bagi komuniti, Dasar Penjagaan Kanak-Kanak dan Pelan Tindakan Pulau Pinang mengambil kira keadaan semasa yang relevan di Negeri Pulau Pinang, iaitu:

- Data kategori umur penduduk Pulau Pinang
- Ketidakselarasan antara penawaran dan permintaan
- Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang diterajui oleh sektor swasta
- Kekurangan penjagaan yang berkualiti dan persekitaran yang inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas

3.1 Data Kategori Umur Penduduk Pulau Pinang

Pulau Pinang mempunyai penduduk yang amat muda, di mana 66 peratus adalah di bawah umur 40 tahun dan 20 peratus adalah di bawah umur 12 tahun, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Ini termasuk kadar pertumbuhan penduduk tahunan kira-kira 3 peratus, bermakna bahawa permintaan bagi penjagaan kanak-kanak akan kekal tinggi pada masa depan. Terdapat keperluan yang ketara bagi perluasan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di negeri Pulau Pinang untuk memenuhi permintaan yang berterusan dan semakin berkembang.

Rajah 3: Data Kategori Umur Penduduk Pulau Pinang, 2010



Sumber: Jabatan Perangkaan, Pulau Pinang

3.2 Ketidakselarasan antara Penawaran dan Permintaan

3.2.1 Taburan Geografi

Walaupun Pulau Pinang ialah negeri yang agak kecil, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap pembangunan antara daerah – di mana rakyat yang menetap di kawasan bandar, Timur Laut (DTL) dan Barat Daya (DBD) di pulau dan Seberang Perai Tengah (SPT) di tanah besar menikmati kadar pembangunan yang lebih giat dan mempunyai lebih kemudahan yang dikaitkan dengan bandar (*urbanity*). Perbezaan yang sama dilihat dari segi kewujudan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak mengikut daerah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Seberang Perai Selatan (SPS) adalah amat tidak bernasib baik, dengan nisbah kanak-kanak (berumur 0-12 tahun) kepada pusat penjagaan kanak-kanak di daerah itu hampir dua kali ganda berbanding DTL. Di samping itu, hampir dua pertiga daripada pusat penjagaan kanak-kanak di SPS tidak berdaftar. Perkadaran pusat penjagaan kanak-kanak tidak berdaftar yang serupa terdapat di Seberang Perai Utara (SPU), satu lagi daerah luar bandar. Peratusan pusat penjagaan kanak-kanak swasta yang tidak berlesen juga sangat tinggi di DTL dan DBD, masing-masing pada 55 dan 58 peratus. Jika dibandingkan, kadar SPT agak baik pada 33 peratus. Selain mempercepatkan proses pendaftaran pusat-pusat penjagaan kanak-kanak swasta yang tidak berlesen, pelaburan oleh sektor awam adalah perlu untuk mengatasi ketidakseimbangan dalam pengagihan.

Jadual 1: Nisbah Pusat Penjagaan kepada Kanak-Kanak Berumur 0-12 Tahun mengikut Daerah

Daerah	Kategori Umur				Bil Pusat Penjagaan**	Nisbah
	0-4	5-9	10-12*	Jumlah		
Seberang Perai Utara	23,847	25,398	16,658	65,903	47	1:1402
Seberang Perai Tengah	26,255	27,680	17,791	71,726	51	1:1406
Seberang Perai Selatan	14,034	16,480	10,135	40,649	20	1:2032
Daerah Barat Daya	16,596	16,118	10,179	42,893	33	1:1300
Daerah Timur Laut	30,578	30,741	20,385	81,704	73	1:1119
Jumlah	111,310	116,417	75,148	302,875	234	1:1352

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia; Jabatan Kebajikan, Pulau Pinang

*Ini adalah anggaran oleh kerana kategori asal ialah bagi kumpulan 10-14 tahun. Jumlah dalam lajur ini mewakili tiga per lima mereka yang berusia 10-14 tahun.

**Bilangan merujuk kepada pusat penjagaan swasta, berdaftar dan tidak berdaftar, seperti yang dibekalkan oleh Jabatan Kebajikan Pulau Pinang.

3.2.2 Komuniti Berpendapatan Rendah

Terdapat juga taburan yang tidak sama rata antara pusat penjagaan kanak-kanak mengikut tahap pendapatan komuniti. Ini berbangkit disebabkan pembekalan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Pulau Pinang masih di dalam tangan sektor swasta. Pembekal penjagaan kanak-kanak tidak cenderung untuk menubuhkan pusat berkenaan di kalangan komuniti yang berpendapatan rendah kerana komuniti itu tidak akan mampu membayar yuran. Oleh itu, komuniti tersebut kekurangan pusat penjagaan. Tinjauan Pentaksiran Pantas (RAS) di tiga kompleks rumah pangsa kos rendah, iaitu PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda, Teluk Kumbar, membuktikan perkara ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, kadar kanak-kanak yang berdaftar di pusat penjagaan kanak-kanak di PPR Ampangan dan Taman Perda adalah sangat rendah. Di Ampangan, tiada mana-mana responden yang mendaftar anak yang berumur 4 tahun ke bawah di pusat penjagaan kanak-kanak. Perkara yang sama juga berlaku di Taman Perda di mana tiada keluarga yang mempunyai kanak-kanak dalam kumpulan umur 4-6 tahun dan 7-12 tahun berbuat demikian. Malah bagi kumpulan umur di mana ibubapa memilih untuk menggunakan pusat penjagaan kanak-kanak, peratusannya adalah sangat rendah, iaitu 3.3 peratus untuk kumpulan umur 4-6 tahun dan 2.3 peratus untuk kumpulan umur 7-12 tahun di Ampangan, dan 1.2 peratus bagi kumpulan umur di bawah 4 tahun di Taman Perda. Situasi adalah jauh lebih baik di Jalan Sungei, mungkin kerana lokasinya yang berhampiran dengan bandar, dengan itu menyokong hujahan mengenai taburan geografi. Data RAS juga menunjukkan tahap pengangguran wanita yang paling rendah di Jalan Sungei, iaitu 28.4 peratus, berbanding 56.8 peratus di Ampangan dan 66.4 peratus di Taman Perda. Ini membuktikan perkaitan langsung antara kewujudan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan penyertaan wanita dalam kumpulan tenaga kerja.


Jadual 2: Jenis Penjagaan Kanak-Kanak mengikut Kumpulan Umur di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda

Jenis Penjagaan	Kumpulan Umur								
	Jalan Sungei			Ampangan			Taman Perda		
	<4	4-6	7-12	<4	4-6	7-12	<4	4-6	7-12
Dalam Rumah	40.9	52.6	76.1	78.1	66.7	81.4	78.8	69.8	82.9
Pusat Penjagaan	38.6	19.2	5.7	0.0	3.3	2.3	1.2	0.0	0.0
Jagaan berasaskan rumah	20.5	28.2	18.2	21.9	30.0	16.3	20.0	30.2	17.1

Sumber: Tinjauan Pentaksiran Pantas (RAS) PWDC di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda

Walaupun pusat-pusat penjagaan kanak-kanak swasta telah disediakan, kebanyakan penduduk pangsapuri mendapati kosnya terlalu tinggi, apatah lagi jika mereka mempunyai ramai anak. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, 72.3 peratus daripada keluarga di Jalan Sungei yang menggunakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak membelanjakan antara RM301-600 untuk perkhidmatan tersebut manakala hampir 15 peratus daripada mereka menghabiskan RM601-800. Angka setanding adalah 78 peratus dan 6 peratus masing-masing bagi Ampangan. Perbelanjaan untuk penjagaan kanak-kanak adalah lebih sama rata di Taman Perda, dengan 30 peratus daripada keluarga membayar RM300 sebulan atau kurang daripada itu. Jelas sekali, perbelanjaan penjagaan kanak-kanak memakan sebahagian besar daripada pendapatan isi rumah bagi keluarga yang menggunakan perkhidmatan tersebut.

Rajah 4: Perbelanjaan Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda



Sumber: Tinjauan Pentaksiran Pantas PWDC di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda

Oleh itu, ramai wanita tidak bekerja sebab pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk membiayai penjagaan kanak-kanak. Bilangan besar isi rumah yang berpendapatan tunggal meningkatkan kadar kemiskinan, sekaligus mengurangkan lagi peluang untuk mendapatkan penjagaan anak. Wanita yang bekerja sering tidak mempunyai pilihan selain meninggalkan anak mereka yang kecil dalam jagaan anak yang lebih besar atau membiarkan mereka menjaga diri sendiri. Keadaan ini adalah lebih kritikal bagi ibu atau bapa tunggal. Penyediaan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan harga akan

menyumbang secara ketara untuk memecahkan kitaran kemiskinan isi rumah tersebut. Inisiatif akan diambil untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak komuniti di kawasan berpendapatan rendah sebagai satu cara untuk menyeragamkan peluang untuk kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, mana-mana pihak yang berminat untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak komuniti boleh memohon geran sebanyak RM55,000. Di samping itu, keluarga di kawasan bandar yang berpendapatan di bawah RM2,000 atau mereka di kawasan luar bandar berpendapatan kurang daripada RM1,200 layak untuk mendapat subsidi bulanan sebanyak RM180 bagi setiap anak untuk menghadiri pusat penjagaan kanak-kanak komuniti itu. Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memudahkan pihak yang berminat dan keluarga yang layak untuk mendapatkan geran ini. Justeru itu, tambahan daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan satu program subsidi untuk keluarga berpendapatan rendah mendaftarkan anak mereka di kemudahan penjagaan kanak-kanak swasta berdaftar di tempat-tempat yang tiada pusat penjagaan kanak-kanak komuniti.

3.3 Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak yang Diterajui oleh Sektor Swasta

3.3.1 Kemampuan

Berbanding dengan negara-negara Nordik di mana pembiayaan awam untuk ECCE menampung antara 75-85 peratus daripada jumlah kos, manakala ibu bapa di Pulau Pinang terpaksa menanggung bayaran kos keseluruhan penjagaan kanak-kanak dari poket sendiri. Biasanya ini adalah antara RM300-800, dengan harga yang sama untuk keluarga berpendapatan rendah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan tersebut adalah terlalu tinggi bagi kebanyakan keluarga. Oleh itu, kanak-kanak diletakkan di pusat penjagaan atau pengusaha beroperasi dari rumah yang tidak berdaftar dan tidak dipantau atau ditinggalkan sahaja di rumah untuk menjaga diri sendiri.

3.3.2 Segmentasi Pasaran

Oleh kerana penyediaan penjagaan kanak-kanak lazimnya dianggap sebagai satu usaha perniagaan (*business venture*), kualiti perkhidmatan berdasarkan dengan keupayaan membayar. Ianya telah memantapkan lagi jurang perbezaan sedia ada antara mereka yang berada dan yang miskin.

3.3.3 Mementingkan Keuntungan Sebelum Kualiti

Satu lagi perkara yang muncul akibat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang dibekalkan oleh sektor swasta adalah kualiti penjagaan yang tidak seimbang. Pengusaha melihat perusahaan mereka sebagai satu perniagaan dan memberi perkhidmatan hanya sekadar penjagaan semata-mata, dan kurang pelaburan sumber manusia dan bahan-bahan yang diperlukan untuk pembangunan holistik kanak-kanak yang diamanahkan kepada mereka. Ramai antara pengusaha ini tidak berdaftar dan tidak dipantau. Pengusaha yang ingin mendaftarkan pusat mereka menghadapi masalah dalam menukarkan status premis (lazimnya disewa) dari kegunaan kediaman kepada kegunaan komersil dan sering menghadapi bantahan daripada jiran-jiran mereka. Perancangan bekalan kelengkapan untuk pusat penjagaan kanak-kanak di bawah garis panduan pembangunan semasa yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan perlu ditambah baik.

3.3.4 Penglibatan Sektor Awam yang Terhad

Oleh sebab pembekalan penjagaan kanak-kanak di Malaysia lazimnya disediakan oleh sektor swasta, terdapat amat sedikit penglibatan sektor awam sehingga kini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti penjagaan kanak-kanak sebagai satu tanggungjawab sosial yang penting sebaik saja ia mengambil alih

pentadbiran negeri pada tahun 2008. Dua pusat penjagaan kanak-kanak yang ditaja oleh kerajaan - satu di Rifle Range, George Town, dan satu lagi di Taman Serumpun, Bukit Mertajam - telah ditubuhkan setakat ini untuk memberi khidmat kepada komuniti berpendapatan rendah di kawasan-kawasan ini. Usaha sedang dilakukan untuk meluaskan lagi inisiatif ini.

Bagi badan sektor awam yang lain, hanya segelintir badan-badan yang menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk kakitangan mereka iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Hospital Besar. Ini keadaannya walhal jabatan dan agensi kerajaan layak untuk mendapat geran sebanyak RM80,000 daripada Kerajaan Persekutuan untuk renovasi dan kelengkapan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di dalam premis mereka. Di samping itu, kakitangan kerajaan dengan gaji bulanan di bawah RM2,000 layak untuk subsidi bulanan sebanyak RM180 bagi setiap orang anak untuk tujuan menghantar anak mereka ke pusat-pusat ini. Kerajaan Negeri akan menggalakkan lebih banyak badan-badan sektor awam memanfaatkan kemudahan geran ini. Sehubungan dengan itu, persediaan sedang dijalankan bagi penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di KOMTAR bagi memenuhi keperluan kakitangan kerajaan yang bekerja di dalam bangunan itu.

Pengubalan dasar dan pelan tindakan ini bertujuan untuk memperluaskan peranan Kerajaan Negeri, sebagai fasilitator dan penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.

3.3.5 Peruntukan Terhad oleh Majikan

Satu tinjauan yang ringkas di kilang-kilang Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas (FTZ) menunjukkan bahawa antara kilang-kilang yang memberi respon, 73 peratus daripada pekerja berada dalam usia reproduktif iaitu 20-39 tahun, dan 65 peratus daripada mereka adalah operator pengeluaran. Bagi sektor hospital, 62 peratus berada dalam usia reproduktif di mana 45 peratus daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM1,500. Ia tidak menghairankan bahawa peluang memperolehi penjagaan kanak-kanak merupakan satu kebimbangan utama bagi pekerja dalam golongan usia dan pendapatan ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan majikan masih enggan mengangapkan bahawa ini adalah tanggungjawab korporat mereka terhadap pekerja (CRE). Pada masa ini, Pentamaster adalah satu-satunya kilang yang menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk pekerja mereka di tempat kerja. Sebab-sebab yang sering dinyatakan oleh majikan mengapa mereka tidak menyokong inisiatif sedemikian adalah:

- Tiada permintaan daripada kakitangan
- Kesan ke atas keuntungan syarikat
- Kekurangan ruang
- Isu-isu keselamatan yang timbul berkaitan dengan persekitaran kilang
- Masalah tindakan undang-undang jika ada kes kecederaan berlaku kepada kanak-kanak berkenaan
- Kehadiran kanak-kanak akan mengganggu rutin kerja
- Kerja syif tidak sesuai untuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak
- Operator pengeluaran tidak dapat membawa anak bersama mereka ketika menaiki bas kilang
- Isu-isu sumber manusia yang timbul dari pengurusan pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan
- Pusat jagaan kanak-kanak didapati dalam kawasan FTZ
- Lebih mudah untuk menggunakan kemudahan penjagaan kanak-kanak berhampiran rumah pekerja

Walaupun bagaimanapun, beberapa majikan yang lebih progresif menyokong usaha untuk menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja kerana ia akan:

- Memudahkan pengambilan dan kekal pekerja
- Mengurangkan masalah ketidakhadiran akibat tanggungjawab penjagaan kanak-kanak
- Menyebabkan pekerja tenteram fikiran, maka lebih berupaya untuk memberi tumpuan kepada kerja

- Meningkatkan lebih kepuasan pekerja, yang akan membawa kepada semangat kekitaan dan produktiviti
- Mengeratkan hubungan antara ibubapa dan kanak-kanak dan menggalakkan kesejahteraan keluarga
- Menyediakan pemakanan dan status kesihatan bayi yang optimum dengan menyokong penyusuan ibu

Bagi pihak pekerja pula, mereka memberikan sebab berikut bagi menyokong pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja:

- Kos penjagaan anak yang tinggi menjadi beban, terutama sekali bagi mereka yang mempunyai lebih daripada seorang anak
- Kanak-kanak dibiarkan untuk menjaga diri sendiri atau ditinggalkan dengan pengasuh yang tidak berdaftar dan oleh itu berpotensi menghadapi risiko disebabkan kurang kemampuan untuk penjagaan yang sempurna
- Isu-isu pengangkutan dan pengurusan masa yang timbul akibat penggunaan penjagaan kanak-kanak pusat swasta
- Operator pengeluaran tidak boleh mengambil kerja lebih masa (*overtime*) kerana kos penjagaan kanak-kanak menjadikan ia tidak ekonomik.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja sebagai satu komponen penting dalam usaha untuk menggendakan kemudahan penjagaan kanak-kanak. Walaupun Kerajaan Persekutuan menetapkan pengecualian cukai sebanyak 10% bagi kos pembinaan pusat penjagaan kanak-kanak selama 10 tahun bagi syarikat-syarikat sektor swasta, sambutan yang kurang memuaskan menunjukkan bahawa insentif ini tidak cukup menarik. Kerajaan Negeri akan menyediakan satu program untuk menambahkan lagi insentif untuk inisiatif ini.

Memberi pertimbangan kepada halangan-halangan berkaitan dengan persekitaran premis pembuatan, takrif pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja telah diperluaskan untuk merangkumi bukan sahaja pusat-pusat penjagaan kanak-kanak *in-situ*. Modaliti lain yang akan digalakkan adalah kemudahan yang dikongsi bersama dalam atau sekitar FTZ; sistem subsidi untuk pekerja menggunakan pusat penjagaan kanak-kanak terpilih yang disyorkan oleh majikan; atau subsidi bagi semua pekerja di mana anak-anak mereka telah didaftarkan di pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar. Sektor-sektor utama yang telah dikenal pasti untuk menerajui inisiatif ini ialah: jabatan-jabatan kerajaan, kilang, hospital, hotel, kompleks membeli-belah dan bank-bank. Ini adalah sebab mereka mempunyai bilangan kakitangan yang cukup untuk menjayakan penubuhan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Hospital, khususnya, adalah sangat sesuai kerana wujud kepakaran dalaman seperti pakar kanak-kanak, jururawat pediatrik, pakar pemakanan, pakar diet, dll. Bank mempunyai fokus khas disebabkan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Perbankan (National Union of Banking Employees) telah menetapkan penyediaan penjagaan kanak-kanak sebagai salah satu agenda dalam perundingan perjanjian kolektif mereka.

3.4 Kekurangan Penjagaan Berkualiti dan Persekitaran Inklusif untuk Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

Kanak-kanak istimewa memerlukan penjagaan khas, tetapi mereka perlu juga berinteraksi dengan kanak-kanak lain dalam persekitaran yang inklusif. Malangnya, situasi seperti ini amat berkurangan di Pulau Pinang. Tidak banyak pusat penjagaan kanak-kanak yang mahu membuka peluang kepada kanak-kanak istimewa, dengan alasan kekurangan kemudahan yang diperlukan dan kakitangan yang layak, dan bantahan daripada ibu bapa kanak-kanak yang berdaftar di pusat itu. Walau bagaimanapun, ia perlu diambil perhatian bahawa terdapat peningkatan yang perlahan dan menggalakkan dalam bilangan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak yang telah

menerima pakai dasar yang inklusif, dan mereka mendapati pengalaman itu positif dan bermanfaat bagi kakitangan dan juga kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan keinklusan akan disertai dengan penyediaan latihan untuk penjagaan kanak-kanak khas untuk semua penjaga kanak-kanak dan penggunaan pasukan terapi profesional beredar - yang terdiri daripada ahli terapi pertuturan, jurupulih pekerjaan dan pakar fisioterapi - untuk menyokong pengusaha kanak-kanak yang menjaga kanak-kanak istimewa.

Pada masa ini terdapat 21 pusat-pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Negeri Pulau Pinang, bagi menampung 659 kanak-kanak istimewa. Pusat-pusat ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebuah agensi persekutuan. Walaupun mereka memenuhi peranan yang penting dalam penjagaan kanak-kanak istimewa dan melatih mereka dalam kemahiran hidup, PDK ditubuhkan khas untuk kanak-kanak istimewa - menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang yang banyak untuk berinteraksi dengan kanak-kanak biasa. Kerajaan Negeri akan berusaha untuk menambahbaik program PDK dengan penyediaan latihan tambahan bagi kakitangan dan sokongan dalam bentuk pakar terapi beredar.

4. TERAS DASAR UTAMA

Dengan tujuan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dan dengan mengambilkira konteks semasa berhubung kemudahan penjagaan kanak-kanak di negeri ini, perkara-perkara berikut telah dikenal pasti sebagai teras utama Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang:

- I. ***Memastikan Akses Saksama untuk Penjagaan Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti:*** Menyedari kesan keseimbangan dalam isu kualiti dan harga berpatutan di pusat penjagaan kanak-kanak, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk menyediakan peluang sejagat untuk setiap kanak-kanak berdasarkan keperluan, tanpa mengira keupayaan untuk membayar.

Menyedari bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk melalui alam kanak-kanak yang baik, selamat dan terjamin, Kerajaan Negeri akan melakukan pelaburan sumber-sumber awam untuk meningkatkan kualiti penjagaan dan melaksanakan dasar perlindungan kanak-kanak di semua kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk menjamin keselamatan kanak-kanak.

Menyedari bahawa kanak-kanak istimewa akan membesar dan membangun secara terbaik dalam persekitaran yang inklusif, Kerajaan Negeri akan menyediakan satu mekanisme sokongan untuk memudahkan kemasukan mereka ke pusat-pusat penjagaan kanak-kanak arus perdana.

- II. ***Menambahkan Bilangan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Tempat Kerja:*** Menyedari betapa besar sumbangan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja kepada keseimbangan kehidupan kerja dan keluarga serta kemakmuran ekonomi negara secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan memudahkan percambahan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja melalui gabungan pakej sokongan infrastruktur, insentif-insentif dan meliberalisasikan peraturan-peraturan.

- III. ***Menubuhkan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berasaskan Komuniti:***

Menyedari bahawa masyarakat berpendapatan rendah sedang mengalami kekurangan kemudahan penjagaan kanak-kanak secara kritikal, Kerajaan Negeri komited untuk menubuhkan Taska Komuniti (Taskom) dengan tujuan untuk melatih komuniti tempatan untuk mengendalikan pusat-pusat ini sebagai satu aktiviti yang boleh menjanakan pendapatan. Taskom yang ditaja oleh Kerajaan Negeri semestinya mampu menjadi contoh dalam kualiti penjagaan, keinklusan, akses


dan kepelbagaian budaya.

- IV. **Menambah Baik Penjagaan di Tempat Kediaman:** Menyedari bahawa terdapat banyak penjaga kanak-kanak yang beroperasi dari rumah yang tidak berlesen dan tidak dipantau, Kerajaan Negeri merancang untuk menyusun semula sektor penjagaan kanak-kanak ini dengan menyediakan latihan dan memperkenalkan satu sistem pensijilan dan pendaftaran.

- V. **Membantu Sektor Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Swasta:** Menyedari peranan penting pusat penjagaan kanak-kanak swasta pada masa kini dan pada masa akan datang, Kerjaan Negeri dengan bantuan Pihak Berkuasa Tempatan, akan membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi sektor ini dan memudahkan pengurusan perniagaan dengan mengkaji semula dan meliberalisasikan rangka kerja peraturan/kawal seliaan berkaitan dengan pihak swasta tanpa menjejaskan taraf penjagaan kanak-kanak. Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan perancangan bandar dan luar bandar akan dikehendaki merangkumkan penjagaan kanak-kanak sebagai satu komponen penting dalam semua rancangan pembangunan mereka.

Rangka kerja keinstitutionan di bawah akan dilaksanakan untuk memastikan pencapaian teras dasar melalui pelaksanaan Pelan Tindakan yang berjaya, dan dengan itu, pencapaian objektif Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang. **PWDC akan bertindak sebagai agensi penyelaras bagi pelaksanaan dasar pada tahun transisi yang pertama. Seterusnya, peranan tersebut akan diambil alih oleh Jawatankuasa Hak Asasi Kanak-Kanak yang tetap dan Unit Penjagaan Kanak-Kanak yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.**

Jadual 5: Rangka Kerja Keinstitutionan



Komposisi, fungsi dan peranan setiap pasukan dalam rangka kerja ini akan dimuktamadkan apabila berunding dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang berkaitan, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tetapi pada masa ini dicadangkan seperti yang berikut:

- **Pasukan Penyokong (*Support Team*) Profesional ECCE**
Pasukan ini akan terdiri daripada pengusaha penjagaan kanak-kanak yang berpengalaman yang akan memberikan input kepada pusat penjagaan kanak-kanak dan pengusaha kanak-kanak yang beroperasi dari rumah tentang bagaimana untuk memperbaiki kemudahan dan perkhidmatan mereka, dengan kerjasama JKM
- **Pasukan Penyokong Ahli Terapi Profesional**
Pasukan ini akan terdiri daripada ahli terapi pertuturan, pakar fisioterapi dan jurupulih pekerjaan yang akan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada pusat penjagaan kanak-kanak yang inklusif, PDK, dan kanak-kanak berkeperluan khas dalam premis penjagaan di tempat kediaman
- **Pasukan Pelawat Rumah (*Home Visitors*)**
Diketuai oleh JKM dan disokong oleh ahli profesional ECCE, pasukan ini akan mengadakan lawatan berkala ke rumah pengusaha penjagaan kanak-kanak yang berdaftar untuk menyediakan sokongan profesional dan nasihat ke arah meningkatkan taraf penjagaan berasaskan rumah.
- **Pasukan Pemeriksa**
Pasukan pemantau yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada JKM dan lain-lain badan-badan kawal selia seperti Bomba, Jabatan Kesihatan, MPPP, MPSP dan disokong oleh ahli profesional ECCE, akan menjalankan pemeriksaan berkala ke pusat penjagaan kanak-kanak dan pengusaha penjagaan kanak-kanak berasaskan rumah untuk memastikan pematuhan kriteria penjagaan dan peraturan undang-undang yang ditetapkan.

5. PELAN TINDAKAN

TERAS	TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	JANGKA MASA
MEMASTIKAN AKSES SAKSAMA UNTUK PENJAGAAN SELAMAT DAN BERKUALITI	1.1 Menyusun satu senarai komprehensif pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh sektor swasta dan awam, dalam negeri	PWDC akan melantik perunding bagi tugas ini	ST2 2013
	1.2 Melaksanakan pemetaan pusat penjagaan kanak-kanak mengikut daerah dan pendapatan purata komuniti berkenaan	Perunding/Sukarelawan, Seksyen GIS Unit Komputer Negeri	ST4 2013
	1.3 Menghasilkan pakej insentif untuk menggalakkan pengusaha mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan yang mendapat kurang liputan	MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, MPPP, MPSP, SFO, UPEN	ST2 2014
	1.4 Menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti di kawasan pendapatan rendah (Akan dihuraikan di bawah Teras 4)		
	1.5 Memberi elaun penjagaan kanak-kanak untuk keluarga berpendapatan rendah untuk kemasukan anak mereka di pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar. Perhatian khas diberikan kepada ibu/bapa tunggal	MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, MPPP, MPSP, SFO, UPEN	ST4 2014
	1.6 Mempromosikan Keinklusifan:		
	1.6.1 Menjalankan kempen kesedaran dan publisiti untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan keinklusifan	PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri , ACS, BOLD	Berterusan
	1.6.2 Membangunkan skim anugerah dan pengiktirafan untuk pusat penjagaan kanak-kanak yang mengamalkan keinklusifan	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, ACS, BOLD	ST3 2015
	1.7 Latihan:		
	1.7.1 Mengadakan latihan yang disubsidikan untuk pengusaha penjagaan kanak-kanak. Sekurang-kurangnya 200 pengusaha penjagaan kanak-kanak dilatih setiap tahun	PWDC, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, JKM, Ditugaskan kepada pihak pelatih profesional luar, contohnya, PPBM	Berterusan
	1.7.2 Mewujudkan modul tentang penjagaan inklusif bagi kanak-kanak istimewa untuk semua kursus latihan	JKM, ACS, BOLD, PPBM	ST3 2013
	1.7.3 Mewujudkan modul tentang protokol keselamatan untuk kanak-kanak dalam semua kursus latihan	JKM, WCC, PPBM	Berterusan
	1.8 Pasukan Penyokong Profesional:		
	1.8.1 Membentuk pasukan profesional ECCE beredar untuk memberikan input kepada pusat penjagaan kanak-kanak	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, JKM, SFO, UPEN, Kementerian Kesihatan	ST1 2014
	1.8.2 Mendirikan pasukan Pelawat Rumah (<i>Home Visitors</i>) diketuai oleh pegawai JKM, untuk menyokong dan memantau pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman yang telah diperakui	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, JKM, SFO, UPEN	ST2 2014
	1.8.3 Mendirikan pasukan-pasukan ahli terapi beredar (ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan ahli terapi pertuturan), dengan kerjasama JKM, untuk memberi khidmat kepada pusat penjagaan kanak-kanak, PDK, dan kanak-kanak berkeperluan khas dalam penjagaan di tempat kediaman	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, ACS, BOLD, Bahagian Pulau Pinang Persatuan Pertuturan dan Pendengaran Malaysia, Persatuan Jurupulih Pekerjaan Malaysia, Persatuan Fisioterapi Malaysia, JKM, SFO, UPEN	ST2 2014

TERAS	TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	JANGKA MASA
	1.9 Pemantauan: Pemeriksaan secara rawak (spot check) oleh JKM dan badan kawal selia untuk memastikan pematuhan kepada taraf dan syarat penjagaan. Pasukan akan ditubuhkan menjelang ST 3 2013	Majlis ECCE, profesional ECCE disahkan, JKM, BOMBA, Jabatan Kesihatan Negeri, MPPP, MPSP	Berterusan
	1.10 Membangunkan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak yang akan diguna pakai oleh semua pusat penjagaan kanak-kanak. Ujian <i>online</i> untuk pengusaha dipertimbangkan	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, MMK Wanita, PWDC, WCC, JKM	ST3 2013
Menambahkan Bilangan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak	2.1 Mengkaji dan menyemak semula peraturan dan garis panduan untuk memudahkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja	PWDC, UPEN, MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, SUK, MPPP, MPSP, JKM, BOMBA, Jabatan Kesihatan Negeri, Majlis ECCE	ST1 2013
	2.2 Membantu dalam menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di KOMTAR	PWDC, SUK, PDC, MPPP, JKM	ST1 2013
	2.3 Menjalankan <i>roadshow</i> berasaskan sektor untuk mempamerkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja bagi sektor berkenaan	Pejabat Ketua Menteri, MMK Wanita, PWDC, Majikan yang sudah pun menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja	ST2 – ST4 2013
	2.4 Mengenalpasti pihak berpotensi dan memberikan mereka insentif bagi menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja	Pejabat Ketua Menteri, MMK Wanita, PWDC, PDC, UPEN, SFO, Pihak berpotensi dikenalpasti	ST4 2013
	2.5 Menubuhkan kemudahan penjagaan kanak-kanak berkongsi di dalam atau berhampiran dengan salah satu daripada kawasan perindustrian di Pulau Pinang sebagai model. Kerajaan Negeri akan menyediakan perbelanjaan kos manakala majikan akan memberi subsidi untuk kos pengendalian. (Kemudahan berkongsi yang didirikan oleh KSM dan PPBM di Bangi untuk dijadikan sebagai model)	Pejabat Ketua Menteri, MMK Wanita, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, PDC, MPPP/MPSP UPEN, SFO, PPBM, Majikan di kawasan perindustrian terpilih	ST2/ST3 2014
Mendirikan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Berasaskan Komuniti	3.1 Mengkaji semula PJKK/Taskom tajaan negeri sedia ada di Rifle Range dan Taman Serumpun, dengan tujuan untuk menambah baik penyediaan perkhidmatan	MMK Wanita, PWDC	ST1 2013
	3.2 Mendirikan PJKK/Taskom percubaan di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda	MMK Wanita, PWDC, MPPP, MPSP, Pasukan GRB, Komuniti di tiga kawasan berkenaan	STQ3 2013- ST2 2014
	3.3 Mengenalpasti dan mendirikan PJKK/Taskom di lain komuniti berpendapatan rendah berdasarkan modaliti yang telah ditambah baik dan pengajaran dari Taskom perintis. Sekurang-kurangnya 2 dalam setahun.	MMK Wanita, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, MPPP, MPSP, Komuniti di kawasan berkenaan	Berterusan dari ST2 2013
	3.4 Menggerak dan melatih ahli komuniti untuk mengendalikan PJKK/Taskom sebagai aktiviti menjanakan pendapatan. Latihan disusuli oleh pemantauan rapi dan bimbingan untuk sekurang-kurangnya enam bulan.	MMK Wanita, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih (Ditugaskan ke pihak luar PPBM)	Berterusan
	3.5 Sokongan Profesional:		
	3.5.1 Memberi latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran pengusaha penjagaan kanak-kanak komuniti.	PWDC, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, MMK Wanita, PPBM, JKM	Berterusan

TERAS	TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	JANGKA MASA
	3.5.2 Menjalankan kajian berkala dan memberikan sokongan berterusan kepada PJKK/Taskom.	Pasukan Profesional ECCE Beredar	Berterusan dari ST2 2013
	3.5.3 Menjalankan pemeriksaan berkala dan pemantauan untuk memastikan penjagaan berkualiti dan selamat.	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, JKM, Majlis ECCE	Berterusan
	3.6 Memastikan peruntukan bagi pusat penjagaan kanak-kanak yang direka khas sebagai satu syarat untuk kelulusan perancangan perumahan kos rendah.	MMK Kerajaan Tempatan, MMK Perancangan dan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, PDC, Majlis ECCE (yang bekerjasama dengan Persatuan Akitik Malaysia untuk membina pusat sedemikian)	ST2 2013
	3.7 Membantu pihak yang berminat mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak berdasarkan komuniti untuk mendapatkan Geran Kerajaan Persekutuan dan Negeri.	JKM, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri	Berterusan dari ST3 2013
Menambah baik Penjagaan di Tempat Kediaman	4.1 Menggubal peraturan untuk rasionalisasi, pemantauan dan kawalan penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman.	Penasihat Undang-Undang Negeri, UPEN, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, MPPP, MPSP, JKM	ST1 2014
	4.2 Latihan:		
	4.2.1 Melatih pengusaha penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman dalam ECCE supaya mereka boleh menawarkan lebih daripada penjagaan sahaja. Sekurang-kurangnya 60 pengusaha penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman dilatih setiap tahun (Lihat 1.7.1)	MMK Wanita, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih (Ditugas kepada pihak luar PPBM)	Berterusan
	4.2.2 Memberi pengusaha penjagaan kanak-kanak terlatih dengan kit permulaan (<i>starter kits</i>) dan memberi bimbingan untuk sekurang-kurangnya enam bulan.	MMK Wanita, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih (Ditugas ke pihak luar PPBM)	ST4 2014
	4.3 Pensijilan dan Pendaftaran:		
	4.3.1 Mengesah dan mendaftarkan pengusaha penjagaan kanak-kanak yang telah mengikuti latihan	JKM	Berterusan
	4.3.2 Menyenaikan pengusaha penjagaan kanak-kanak berdaftar yang beroperasi dari rumah di laman web penjagaan kanak-kanak negeri	JKM, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri	Berterusan
	4.4 Menyediakan Sokongan profesional oleh Pelawat Rumah (<i>Home Visitors</i>)	JKM dan Pasukan Pelawat Rumah	Berterusan
	4.5 Memastikan pemantauan kerap oleh JKM	JKM, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri	Berterusan
Membantu Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Sektor Swasta	5.1 Inventori Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Pentaksiran Berkualiti (<i>Quality Assessment</i>):		
	5.1.1 Membanci pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar dan tidak berdaftar dalam negeri	JKM, PWDC	Berterusan
	5.1.2 Memaparkan senarai pusat penjagaan kanak-kanak di laman web JKM untuk memudahkan pemilihan oleh ibubapa (Lihat 1.1 dan 11.2)	JKM	Berterusan dari ST3 2013
	5.2 Mempercepatkan Pelesenan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak:		
	5.2.1 Mengkaji semula dan menyelaraskan garis panduan majlis tempatan	PWDC, Jabatan Kerajaan Tempatan, MPPP, MPSP	ST1 2013

TERAS	TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	JANGKA MASA
	5.2.2 Menjalankan bengkel untuk membantu pengusaha yang tidak berdaftar dalam proses permohonan	PWDC, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jabatan Kesihatan Negeri	ST3 2013
	5.3 Melaksanakan Garis Panduan KPKT Yang Telah Disemak Semula:	MMK Kerajaan Tempatan, MPPP, MPSP	
	5.3.1 Menyemak dan mengurangkan bayaran penukaran untuk pusat penjagaan kanak-kanak	MPPP, MPSP, JKM, PWDC	ST2 2013
	5.3.2 Menirikan satu pusat khidmat (<i>one-stop centre</i>) untuk kelulusan dan pelesenan. Memastikan kelulusan dalam tempoh 21 hari jika semua syarat dipenuhi	PWDC, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jabatan Kesihatan Negeri	ST3 2013
	5.3.3 Menirikan mekanisme dalam talian (<i>online</i>) untuk permohonan lesen bagi pusat penjagaan kanak-kanak	PWDC, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jabatan Kesihatan Negeri	ST3 2013
	5.4 Mempromosikan keinklufan untuk kanak-kanak berkeperluan khas (Lihat Pelan Tindakan item 1.6)		Berterusan

Jadual Masa untuk Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak dari 2013-2015

TERAS	TINDAKAN/AKTIVITI	JADUAL												AGENSI PELAKSANA				
		2013				2014				2015								
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4					
1. Memastikan Akses yang Saksama untuk Penjagaan Kanak-Kanak yang Selamat dan Berkualiti	1.1 Menyusun satu senarai komprehensif pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh sektor swasta dan awam,																PWDC akan melantik Perunding untuk Tugas ini	
	1.2 Melaksanakan pemetaan pusat penjagaan kanak-kanak mengikut daerah dan pendapatan purata komuniti berkenaan																Perunding /Sukarelawan, Seksyen GIS Unit Komputer Negeri	
	1.3 Menghasilkan pakej insentif untuk menggalakkan pengusaha mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan yang mendapat																	MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, MPPP, MPSP, SFO, UPEN
	1.4 Menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti di kawasan pendapatan rendah (Akan dihuraikan di																	
	1.5 Memberi elaun penjagaan kanak-kanak untuk keluarga berpendapatan rendah untuk kemasukan anak mereka di pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar. Perhatian khas diberikan kepada ibu/bapa tunggal																	MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, MPPP, MPSP, SFO, UPEN
	1.6 Mempromosikan Keinklusifan																	
	1.6.1 Menjalankan kempen kesedaran dan publisiti untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan keinklusifan																	PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, ACS, BOLD
	1.6.2 Membangunkan skim anugerah dan pengiktirafan untuk pusat penjagaan kanak-kanak yang mengamalkan keinklusifan																	Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, ACS, BOLD
	1.7 Latihan																	
	1.7.1 Mengadakan latihan yang disubsidikan bagi pengusaha penjagaan kanak-kanak. Sekurang-kurangnya 200 pengusaha penjagaan kanak-kanak akan dilatih setiap tahun																	JKM, Ditugaskan kepada pelatih profesional luar, cth. PPBM
	1.7.2 Mewujudkan modul tentang penjagaan inklusif bagi kanak-kanak berkeperluan khas dalam semua kursus latihan																	JKM, ACS, BOLD, PPBM
	1.7.3 Mewujudkan modul tentang protokol keselamatan untuk kanak-kanak dalam semua kurssu latihan																	JKM, WCC, PPBM
	1.8 Pasukan Sokongan Profesional																	
	1.8.1 Membentuk pasukan profesional ECCE beredar untuk memberikan input kepada pusat penjagaan kanak-kanak																	JKM, SFO, UPEN, Kementerian Kesihatan
	1.8.2 Menubuhkan pasukan Pelawat Rumah dipimpin oleh pegawai JKM, untuk menyokong dan memantau pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan rumah yang diperakui																	JKM, SFO, UPEN
	1.8.3 Mendirikan pasukan-pasukan terapi beredar (ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan ahli terapi pertuturan), dengan kerjasama JKM, untuk memberi khidmat kepada pusat penjagaan kanak-kanak inklusif, PDK dan kanak-kanak berkeperluan khas dalam penjagaan di tempat kediaman																	ACS, BOLD, Bahagian Persatuan Pertuturan dan Pendengaran Pulau Pinang, Persatuan Jurupulih Pekerjaan Malaysia., Persatuan Fisioterapi Malaysia., JKM, SFO, UPEN
	1.9 Pemantauan: Pemeriksaan secara rawak oleh JKM dan badan kawal setia untuk memastikan pematuhan kepada taraf dan syarat penjagaan. Pasukan untuk ditubuhkan menjelang ST3 2013																	Majlis ECCE, profesional ECCE disahkan, JKM, BOMBA, Jab. Kesihatan Negeri, MPPP, MPSP
1.10 Membangunkan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak untuk diguna pakai oleh semua pusat kanak-kanak. Ujian <i>online</i> untuk pengusaha sedang dipertimbangkan																	MMK Wanita, PWDC, WCC, JKM	

TERAS	TINDAKAN/AKTIVITI	JADUAL MASA												AGENSI PELAKSANA			
		2013				2014				2015							
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4				
2. Menambahkan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Tempat Kerja	2.1 Mengkaji dan menyemak peraturan dan garis panduan untuk memudahkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja																MMK Kerajaan Tempatan, MMK Wanita, SUK, MPPP, MPSP, JKM, BOMBA, Jab. Kesihatan Negeri
	2.2 Membantu menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di KOMTAR																PWDC, SUK, PDC, MPPP, JKM
	2.3 Menjalankan <i>roadshow</i> berasaskan sektor untuk mempamerkan pusat penjagaan kanak-kanak untuk sektor berkenaan																Pejabat Menteri Besar, MMK Wanita, PWDC, Majikan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja
	2.4 Mengenalpasti pihak berpotensi dan memberikan mereka insentif bagi menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja																Pejabat Menteri Besar, MMK Wanita, PWDC, PDC, UPEN, SFO, Pihak berpotensi dikenalpasti
	2.5 Menubuhkan kemudahan penjagaan kanak-kanak berkongsi di dalam atau berhampiran dengan salah satu daripada kawasan perindustrian di Pulau Pinang sebagai model. Kerajaan Negeri akan menyediakan perbelanjaan kos manakala majikan akan memberi subsidi untuk kos pengendalian. (Kemudahan berkongsi yang didirikan oleh KSM dan PPBM di Bangi untuk dijadikan sebagai model)																Pejabat Menteri Besar, MMK Wanita, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, PDC, MPPP/MPSP UPEN, SFO, PPBM, Majikan di kawasan perindustrian terpilih
3. Mendirikan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berasaskan Komuniti	3.1 Mengkaji semula PJKK/Taskom tajaan negeri sedia ada di Rifle Range dan Taman Serumpun, dengan tujuan untuk menambah baik penyediaan																
	3.2 Mendirikan PJKK/Taskom percubaan di PPR Jalan Sungei, PPR Ampangan dan Taman Perda																MMK Wanita, PWDC, MPPP, MPSP, Pasukan GRB, Komuniti di kawasan berkenaan
	3.3 Mengenalpasti dan mendirikan PJKK/Taskom di lain komuniti berpendapatan rendah berdasarkan modaliti yang telah ditambah baik dan pengajaran dari Taskom perintis. Sekurang-kurangnya 2 dalam																MMK Wanita, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, MPPP, MPSP, Komuniti di kawasan berkenaan
	3.4 Menggerak dan melatih ahli komuniti untuk menguruskan PJKK/Taskom sebagai aktiviti menjana pendapatan. Latihan disusuli oleh pemantauan rapi dan bimbingan selama sekurang-kurang enam bulan																MMK Wanita, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih (Ditugaskan ke pihak luar PPBM)
	3.5 Sokongan Profesional:																
	3.5.1 Memberi latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran pengusaha penjagaan kanak-kanak komuniti																PWDC, MMK Wanita, PPBM, JKM
	3.5.2 Menjalankan kajian berkala dan memberi sokongan berterusan kepada PJKK/Taskom																Pasukan Profesioanl ECCE Beredar
	3.5.3 Menjalankan pemeriksaan berkala dan pemantauan untuk memastikan penjagaan berkualiti dan selamat																JKM, Majlis ECCE
	3.6 Memastikan peruntukan bagi pusat penjagaan kanak-kanak yang direka khas sebagai satu syarat untuk kelulusan perancangan perumahan kos rendah																MMK Kerajaan Tempatan, MMK Housing and Planning, Local Authorities, PDC, Majlis ECCE (yang bekerjasama dengan Persatuan Akitek Malaysia untuk membina pusat sedemikian)
	3.7 Membantu pihak yang berminat mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak berdasarkan komuniti untuk mendapatkan Geran Kerajaan Persekutuan dan Negeri																JKM, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri

PENEKANAN	TINDAKAN/AKTIVITI	SKEDUL MASA												AGENSI PELAKSANA			
		2013				2014				2015							
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4				
4. Menambah Baik Penjagaan di Tempat Kediaman	4.1 Menggubal peraturan bagi rasionalisasi, pemantauan dan kawalan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman															State Legal Advisor, UPEN, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri MPPP, MPSP, JKM	
	4.2 Latihan																
	4.2.1 Melatih pengusaha penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman dalam ECCE supaya mereka boleh menawarkan lebih daripada penjagaan sahaja. Sekurang-kurangnya 60 pengusaha penjagaan kanak-kanak di tempat kediaman dilatih setiap tahun (Lihat 1.7.1)																MMK Wanita, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih (Ditugas ke pihak PPBM)
	4.2.2 Memberi pengusaha penjagaan kanak-kanak terlatih dengan kit permulaan (starter kits) dan memberi bimbingan untuk sekurang-kurangnya enam bulan																Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri, Pelatih(Ditugas luar ke pihak PPBM)
	4.3 Pensijilan dan Pendaftaran																
	4.3.1 Mengesah dan mendaftarkan pengusaha penjagaan kanak-kanak berasaskan rumah yang telah mengikuti latihan																JKM
	4.3.2 Menyeneraikan pengusaha penjagaan kanak-kanak berdaftar yang beroperasi dari rumah di laman web penjagaan kanak-kanak negeri																JKM, PWDC/Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri
	4.4 Menyediakan Sokongan profesional oleh Pelawat Rumah																JKM dan pasukan Pelwat Rumah
4.5 Memastikan pemantauan kerap oleh JKM																JKM, Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak Negeri	
5. Membantu Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Sektor Swasta	5.1 Inventori Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Pentaksiran Kualiti (<i>Quality Assessment</i>)																
	5.1.1 Membanci pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar dan tidak berdaftar dalam negeri															JKM, PWDC	
	5.1.2 Memaparkan senarai pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar di laman web JKM untuk memudahkan pemilihan oleh ibubapa (Lihat item 1.1. dan 1.2)															JKM	
	5.2 Mempercepatkan Pelesenan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak:																
	5.2.1 Mengkaji semula dan menyelaraskan garis panduan garis panduan majlis tempatan															PWDC, Jabatan Kerajaan Tempatan, MPPP, MPSP	
	5.2.2 Menjalankan bengkel untuk membantu pengusaha tidak berlesen dengan proses permohonan															PWDC, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jab. Kesihatan Negeri	
	5.3 Melaksanakan Garis Panduan KPKT Yang Telah Disemak Semula:															MMK Kerajaan Tempatan, MPPP, MPSP	
	5.3.1 Menyemak dan mengurangkan bayaran penukaran bagi pusat penjagaan kanak-kanak															MPPP, MPSP, JKM, PWDC	
	5.3.2 Menubuhkan pusat khidmat (<i>one-stop centre</i>) untuk kelulusan dan pelesenan. Memastikan kelulusan dalam tempoh 21 hari jika semua syarat dipenuhi															PWDC, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jab. Kesihatan Negeri	
	5.3.3 Membangunkan mekanisme dalam talian (<i>online</i>) untuk permohonan lesen pusat penjagaan kanak-kanak															PWDC, JKM, MPPP, MPSP, BOMBA, Jab. Kesihatan Negeri	
5.4 Mempromosikan keinklusan untuk kanak-kanak berkeperluan khas (Lihat Pelan Tindakan item 1.6)																	

LAMPIRAN 1

DASAR KANAK-KANAK KEBANGSAAN

PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan sebahagian penting dalam masyarakat. Mereka adalah aset negara dan nadi pembangunan negara untuk masa depan. Pada 2008, terdapat sejumlah 10.5 juta (37.9%) kanak-kanak dalam populasi 27.7 juta penduduk.¹ Oleh itu, Kerajaan Pusat mengambil berat tentang kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak.

Dalam hal ini, Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberi tumpuan kepada kebajikan dan kehidupan kanak-kanak dengan penekanan kepada aspek kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan, pembangunan dan penyertaan (*participation*). Sebagai negara yang memihak kepada CRC, Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pemimpin negara di masa depan.

Keperluan kanak-kanak adalah jelas terbukti dalam pernyataan Wawasan 2020 di mana institusi keluarga dan anak-anak merupakan satu daripada bidang prioriti dalam usaha negara mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat yang berekuiti dan penyayang.

DEFINISI

Kanak-kanak ditakrifkan sebagai seorang di bawah umur 18 tahun seperti yang dinyatakan dalam Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001.

PERNYATAAN DASAR

Dasar Kanak-Kanak Kebangsaan ialah dasar mengenai hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan, dan penyertaan supaya mereka boleh menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif.

PENYATA OBJEKTIF

Dasar Kanak-Kanak Kebangsaan bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berdaya saing dan progresif serta mempunyai identiti peribadi dan nilai mulia.

OBJEKTIF

Objektif utama Dasar Kanak-Kanak Kebangsaan adalah untuk memastikan bahawa:

1. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberikan penjagaan, asuhan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial;
2. setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; dan seterusnya disediakan dengan pemulihan dan integrasi ke dalam keluarga dan masyarakat;
3. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, sosio-emosi, personaliti dan pembangunan rohani;

¹ Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008

4. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk ekspresi diri, untuk menyertai dan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan peribadi dan kesejahteraannya;
5. kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan; dan
6. penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan kanak-kanak dijalankan dari semasa ke semasa.

STRATEGI

Strategi-strategi untuk mencapai objektif yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

Objektif 1

Kelangsungan Hidup (Survival)

1. Untuk menyediakan keperluan asas seperti identiti, tempat tinggal, makanan, air, pakaian, kasih sayang, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra kanak-kanak
2. Untuk meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan komuniti setempat dalam penjagaan kesihatan, keselamatan dan pendidikan untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak
3. Untuk meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial selaras dengan keperluan kanak-kanak, termasuk kanak-kanak kurang upaya dan anak-anak yatim
4. Untuk memperluaskan akses kepada maklumat dan bahan-bahan yang sesuai daripada pelbagai sumber untuk membolehkan kanak-kanak memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk terus hidup
5. Untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan keselamatan sosial

Objektif 2

Perlindungan

1. Untuk meningkatkan latihan bagi semua pihak yang bekerja dengan kanak-kanak supaya mereka mempunyai cukup pengetahuan, kelayakan, kemahiran dan sikap yang positif untuk mengendalikan kes pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak
2. Untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak mangsa penyeksaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi atau kanak-kanak yang tidak terkawal serta memberi rawatan pemulihan bagi kanak-kanak pesalah
3. Untuk memberi perlindungan daripada gangguan atau ancaman pihak-pihak tertentu kepada mangsa, pengadu dan keluarga mereka
4. Untuk memastikan bahawa kanak-kanak yang diberikan hak untuk mendapatkan perkhidmatan undang-undang dan sokongan
5. Untuk memberi sokongan kepada keluarga yang berisiko tinggi supaya kanak-kanak dalam keluarga-keluarga ini boleh menikmati hak-hak mereka
6. Untuk memastikan bahawa semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak menyediakan perkhidmatan untuk mereka dapat menggubal dasar perlindungan kanak-kanak dan protokol tertentu dan melaksanakannya
7. Untuk merangka program khusus untuk anak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, yang tercicir dari sector pendidikan (*dropouts*), yang terbabat dengan penagihan dadah dan yang berada dalam keadaan kritikal dan lain-lain keadaan sukar
8. Untuk memastikan bahawa kanak-kanak mangsa bencana alam menerima rawatan yang sewajarnya bagi pemulihan, pembangunan dan integrasi semula ke dalam masyarakat
9. Untuk memastikan bahawa kanak-kanak mangsa eksploitasi seksual (termasuk penyeludupan kanak-kanak atau *child trafficking*, pelancongan seks, pornografi kanak-kanak) dan penyeludupan manusia (*human trafficking*) disediakan dengan perlindungan,

- pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat atau dihantar pulang ke negara asal mereka
10. Untuk mewujudkan sistem amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
 11. Untuk menggalakkan penyediaan persekitaran yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak

Objektif 3

Pembangunan

1. Untuk meningkatkan kualiti, akses dan kemampuan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan juga pendidikan dalam persekitaran yang kondusif bagi merangsang perkembangan optimum kanak-kanak
2. Untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang mesra kanak-kanak
3. Untuk mengembangkan program dan kemudahan khusus bagi perkembangan kanak-kanak kurang upaya dalam semua aspek seperti pengesanan awal dan intervensi, pemulihan, pendidikan dan integrasi semula ke dalam masyarakat
4. Untuk memberi bantuan yang berterusan, latihan dan pemantauan bagi memastikan kanak-kanak menerima asuhan dari segi penjagaan dan pendidikan berkualiti tinggi

Objektif 4

Penyertaan (Participation)

1. Untuk memastikan kanak-kanak diberikan akses kepada maklumat yang berkualiti dan bahan-bahan yang sesuai daripada pelbagai sumber untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kepentingan mereka
2. Menggalakkan media massa dan pihak swasta menyebarkan maklumat yang sesuai dan berkualiti
3. Untuk menggalakkan kanak-kanak meluahkan pendapat dan pandangan mereka secara bertanggungjawab dan beretika sebagai input dalam merangka program untuk mereka atau program yang berkaitan dengan kepentingan mereka

Objektif 5

Advokasi

1. Meningkatkan kesedaran di kalangan keluarga dan masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan (*healthcare*) kanak-kanak
2. Meningkatkan kesedaran di kalangan keluarga dan masyarakat tentang hak kanak-kanak yang rata yang perlu untuk dilindungi daripada sebarang bentuk diskriminasi
3. Untuk mengukuhkan program sedia ada dan memperkenalkan program-program yang sesuai untuk mencegah pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak
4. Untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa, penjaga dan ahli masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak
5. Untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman semua pihak yang relevan tentang hak, kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak

Objektif 6

Penyelidikan dan Pembangunan

1. Untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perkembangan kanak-kanak dan menyebarkan hasil penyelidikan bagi tujuan penambahbaikan

PERUNTUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI PENJAGAAN KANAK-KANAK

Kerajaan Persekutuan, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat menyediakan geran dan bantuan kewangan yang berikut untuk penjagaan kanak-kanak:

1. Sektor Awam:

- Jabatan dan agensi kerajaan adalah layak untuk geran sebanyak RM80,000 untuk renovasi dan kelengkapan pusat penjagaan kanak-kanak yang ditubuhkan dalam premis mereka.
- Subsidi bulanan sebanyak RM180 setiap kanak-kanak disediakan untuk kakitangan kerajaan yang bergaji di bawah RM2,000 sebulan untuk tujuan penghantaran anak mereka ke pusat-pusat ini.

2. Sektor Swasta:

- Majikan sektor swasta adalah layak untuk pengecualian cukai 10% untuk 10 tahun bagi menampung kos pembinaan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

3. Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Komuniti:

- Pihak yang berminat untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak komuniti adalah layak untuk mendapat geran sehingga RM55,000.
- Keluarga yang menghantarkan anak mereka ke pusat penjagaan kanak-kanak komuniti boleh menerima geran bulanan sebanyak RM180 bagi setiap anak jika pendapatan mereka di bawah RM2,000 bagi yang tinggal di kawasan bandar dan RM1,200 bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar

